



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/81 (HQ)

PENDUDUK LEMBAH BERTAM LEBIH PEKA

- * Lebih 1,000 bertai latihan pengungsian
- * 11 agensi terlibat

Lebih 1,000 penduduk dari empat kampung sekitar Lembah Bertam dan di hilir Empangan Sultan Abu Bakar (SAB) telah mengambil bahagian dalam latihan pengungsian yang direncana Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama agensi-agensi kerajaan Daerah Cameron Highlands baru-baru ini.

Penduduk yang terlibat adalah dari Kampung Lembah Bertam, Kampung Sg. Tiang, Kampung Mensun dan Kampung Leryar.

Agensi yang menjayakan latihan pula adalah Pejabat Daerah & Tanah Cameron Highlands, PDRM, Bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Majlis Daerah Cameron Highlands, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Hospital Cameron Highlands dan Jabatan Pengairan Dan Saliran.

“Latihan kali ini menyaksikan jumlah pengungsian penduduk yang tertinggi dan sangat memberangsangkan,” kata Pengurus Besar Stesen-Stesen Janaelektrik Cameron Highlands, Mustafa Hashim. Pada tahun 2016 dan 2015 seramai 100 dan 276 penduduk mengambil bahagian.

TNB menganjurkan latihan pengungsian tersebut setiap tahun sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh, sekali gus untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan semua pihak yang terlibat sekiranya paras air empangan meningkat secara mendadak seperti pada tahun 2013.

Latihan pengungsian kecemasan ini turut bertujuan menilai tahap keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan Keselamatan Empangan TNB dan agensi-agensi tindakan bencana Cameron Highlands dalam menangani situasi kecemasan di Empangan Sultan Abu Bakar.

“Ia juga untuk memastikan kesiapsiagaan Pasukan-pasukan Bertindak Kecemasan di Stesen Stesen Janaelektrik Cameron Highlands dan memberi pendedahan berterusan kepada penduduk kampung tentang kesedaran dan persediaan bagi menghadapi sebarang situasi kecemasan,” jelas Mustafa lagi.

Dalam latihan tersebut, penduduk kampung memberikan kerjasama untuk berkumpul di tempat berkumpul yang disediakan dalam masa yang munasabah.

“Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran tinggi mengenai tindakan awal perlu dilakukan apabila berlaku kecemasan dalam kalangan penduduk kampung terlibat, setelah beberapa sesi penerangan yang dilaksanakan oleh TNB melalui Program Integrated Community Based Disaster Management (ICBDM) bermula tahun 2014,” tambah Mustafa.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur, 12 November 2017 pada 10.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) / Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau e-mail ke media@tnb.com.my